

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PELAKSANAAN SECARA ATAS TALIAN**  
**BAGI URUSAN PERMOHONAN CARIAN RASMI**  
**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WPKL**

**1) Apakah itu Carian Rasmi?**

Suatu sijil Carian Rasmi yang telah ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar dengan memastikan kandungannya menunjukkan maklumat hakmilik, pemilikan dan perkara berkaitan yang masih berkuatkuasa sebagaimana yang tercatat dalam dokumen hakmilik daftaran dan rekod urusan urusniaga/bukan urusniaga yang telah diterima tetapi belum didaftarkan.

**2) Adakah carian rasmi perlukan individu untuk mempunyai akaun awam e-Tanah?**

Ya, pelanggan perlu mendaftar Akaun Pengguna di Portal Awam e-Tanah PPTGWPKL sebelum dapat membuat sebarang urusan pendaftaran.

<https://www.ptgwp.gov.my/etanah-awam/AwamLoginForm.xhtml?target=kl>

**3) Apakah langkah seterusnya setelah mendaftar akaun awam di Portal e-Tanah PPTGWPKL?**

Langkah seterusnya ialah pelanggan perlu ke kaunter PPTGWPKL untuk membuat pengesahan biometrik dan selesai urusan pendaftaran akaun pengguna.

**4) Apakah urusan carian rasmi yang boleh dibuat?**

Berikut adalah urusan carian rasmi yang boleh dibuat di Portal Awam:

**a) Hakmilik Tanah:**

Carian Rasmi Hakmilik.

Carian Rasmi Hakmilik Batal.

**b) Hakmilik Strata:**

Carian Rasmi Hakmilik Strata (Borang 4e).

Carian Rasmi Hakmilik Strata Batal.

**5) Apakah cara pembayaran dalam pelaksanaan secara atas talian?**

Cara pembayaran hanya FPX sahaja.

**6) Bolehkah pelanggan memohon lebih dari satu (1) urusan carian rasmi dalam satu permohonan?**

Boleh, Pelanggan boleh memohon lebih dari satu (1) urusan carian rasmi dalam satu permohonan.

**7) Bagaimanakah pelanggan ingin mendapatkan maklumat status proses carian rasmi?**

Pelanggan boleh membuat semakan status proses di portal awam atau melalui e-semakan.

**8) Berapa lamakah permohonan akan diproses selepas membuat pembayaran?**

Permohonan akan diproses dalam masa 7 hari bekerja.

**9) Berapakah maksima bilangan permohonan carian rasmi yang boleh dibuat oleh pelanggan di Portal Awam?**

Tiada bilangan khusus atau had maksima bagi permohonan carian rasmi di Portal Awam.

**10) Adakah wujud tarikh lopus permohonan jika tidak dikutip oleh pelanggan di PPTGWPKL?**

Ya, jika permohonan tidak dikutip selepas tiga (3) bulan dari tarikh emel, dokumen carian rasmi akan dilupuskan.